

13/12/2001

Raja berperlembagaan Malaysia tunjang kestabilan

Murugesu Pathmanathan

ANTARA institusi politik dan undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia dan yang berjaya mewujudkan kekuatan serta kestabilan adalah raja berperlembagaan.

Kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Ke-11 baru-baru ini menyatupadukan rakyat Malaysia daripada segenap lapisan hidup dalam melahirkan kesedihan terhadap seorang pemerintah yang sewaktu bertakhta disifatkan sebagai sederhana dan baik hati.

Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj ketika hayatnya sentiasa peka dalam melaksanakan tugasnya dan sentiasa sedar akan tanggungjawabnya sehingga ke saat-saat akhir hayatnya.

Pendukung institusi raja berpendapat sistem itu membolehkan perancangan dan pelaksanaan berterusan berbanding sistem yang berkait rapat dengan dasar berdasarkan politik kepartian.

Institusi raja sebagai satu sistem pemerintahan telah wujud dalam pelbagai bentuk sejak manusia mula mengatur kehidupan bersama dan membentuk sistem kemasyarakatan.

Dengan kedatangan dan penerimaan ramai terhadap fahaman demokrasi, terutama sejak tamatnya Perang Dunia Kedua, sistem beraja di banyak negara dimansuhkan, biasanya dengan cara yang ganas dan kejam.

Pandangan yang muluk mengenai demokrasi dan negara republik menjadi pilihan dan buat seketika, institusi beraja nampaknya diketepikan dan disimpan dalam lipatan sejarah saja.

Raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia memainkan fungsi penting dalam struktur Kerajaan Persekutuan. Yang Di-Pertuan Agong di Malaysia adalah simbol kedaulatan dan juga perpaduan rakyat. Keunggulan institusi ini ia termaktub dalam perlembagaan dan menjadi salah satu prinsip utama Rukun Negara.

Sejak 31 Ogos 1957, bentuk raja berperlembagaan di Malaysia berkisar pada asas pengalaman politik dan perlembagaan yang dilaksanakan di negara ini.

Pergolakan dan kerjasama politik sejak empat dekad lalu telah mencorakkan jalinan dan perkembangan fungsi raja berperlembagaan dalam membina sebuah masyarakat di tengah gelanggang politik dan semangat demokrasi yang sentiasa berkembang.

Putaran sejarah yang membawa kepada perkembangan berbagai corak pemerintahan telah menjadikan sistem kerajaan beraja sebagai suatu sistem pemerintahan yang mencetuskan sentimen sama ada menyokong atau menentanginya.

Sebagai contoh, International Monarchist League adalah sebuah pertubuan bagi mereka yang berminat dalam kerajaan beraja di seluruh dunia, baik yang masih berkuasa atau hidup dalam buangan.

Constitutional Monarchy Association pula adalah sebuah kumpulan untuk mereka yang memberi perhatian dan menyokong "the House of Windsor" iaitu keluarga diraja Britain.

Kerajaan beraja adakalanya dirujuk sebagai pemerintahan terbatas, iaitu kuasa raja disekat oleh lain-lain institusi diiktiraf seperti dewan perwakilan atau badan kehakiman bebas.

Ini bertentangan dengan kerajaan beraja mutlak iaitu rajanya mempunyai kuasa tanpa terikat kepada apa-apa peruntukan dewan perwakilan rakyat. Bagaimanapun ini tidak pula bermakna raja boleh melakukan apa saja yang

disukai, ia hanya suatu pemerintahan yang tidak mempunyai sekatan perlembagaan terhadap tindakan raja.

Sebagai sebuah institusi kebangsaan, raja berperlembagaan di Malaysia terbentuk mengikut model Westminster, Britain.

Mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri dan bertanggungjawab bagi satu siri pelantikan penting pada peringkat pusat, termasuk Ketua Hakim Negara, Ketua Polis Negara, Peguam Negara, Akauntan Negara dan sejumlah lagi jawatan penting.

Tidak sebagaimana difahamkan, raja bukanlah tidak mempunyai tanggungjawab langsung dalam pemerintahan. Dalam kerajaan moden berdasarkan perlembagaan bertulis, raja adalah ciri kritikal dalam proses pemerintahan yang kompleks hari ini.

Kajian peruntukan Perlembagaan Persekutuan berkaitan tugas dan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong menyerlahkan hal ini.

Dalam kebanyakan kerajaan raja berperlembagaan hari ini, raja perlu berpengetahuan dalam banyak perkara dan harus mengenali jentera kerajaan.

Sebagai contoh di Belanda, Permaisuri terbabit secara langsung dalam pembentukan sebuah kerajaan baru. Selepas pilihan raya umum, beliau berunding dengan naib presiden majlis negeri-negeri, speaker kedua-dua dewan Parlimen, pemimpin parti politik diwakili dalam dewan rakyat dan kadangkala negarawan terkemuka dikenali sebagai menteri negara dan kemudian melantik wakil yang menang pada pilihan raya bagi membentuk sebuah kerajaan.

Apabila parti politik mencapai persetujuan mengenai dasar yang harus dipatuhi oleh kerajaan baru, Permaisuri melantik menteri dan setiausaha Parlimen.

Kelmarin, Majlis Raja-Raja bersidang bagi melantik Yang di-Pertuan Agong yang baru bagi melaksanakan tugas mengikut Perlembagaan Persekutuan. Dalam kerangka sistem politik di Malaysia, sistem raja berperlembagaan mempunyai beberapa ciri menarik.

Pertama, ia adalah sebuah struktur kolektif, iaitu Majlis Raja-Raja memilih seorang daripada ahlinya sebagai Yang di-Pertuan Agong. Pada hakikatnya, Majlis Raja-Raja bertindak sebagai badan pemilih, sesuai dengan keperluan struktur feudal sejajar amalan raja berperlembagaan pada zaman moden.

Kedua, sistem raja berperlembagaan di Malaysia, membataskan jangka masa jawatan pemegangnya. Raja yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas selama lima tahun saja sebagaimana termaktub dalam Artikel 32 Perlembagaan Persekutuan.

Ini berbanding pelantikan Perdana Menteri yang tidak ada batasan waktu.

Pada 1994, kekebalan sivil dan jenayah raja-raja dimansuhkan. Ini menjadikan sistem raja berperlembagaan yang mewajibkan raja mengikut nilai politik sebuah demokrasi moden.

Perkembangan politik yang membawa kepada perkara ini haruslah dianggap sebagai satu sumbangan penting kepada usaha mendemokrasikan sistem politik Malaysia yang dibawa oleh pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang di-Pertuan Agong duduk di puncak sistem perundangan dengan perkenan diraja memberi pengiktirafan dari segi perlembagaan kepada semua rang undang-undang diluluskan Parlimen.

Artikel 40a menjelaskan tiga perkara yang memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong:

- 1) Pelantikan seorang Perdana Menteri;
- 2) Tidak memberi perkenan kepada permintaan membubarkan Parlimen;
- 3) Memanggil mesyuarat Majlis Raja-Raja berhubung khusus mengenai keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan martabat Yang di-Pertuan Agong.

Berhubung hak budibicara Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri, ia berlandaskan kepada amalan yang mana Presiden Umno dipilih apabila Barisan Nasional memenangi pilihan raya umum. Inilah yang biasanya berlaku sejak pilihan raya umum 1955.

Umumnya, raja yang memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong sejak sistem ini dilaksanakan dulu adalah individu cemerlang yang menjalankan tugas perlembagaan mereka dengan berkesan.

Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman, dengan wajah baginda dipaparkan pada semua duit kertas Malaysia dianggap ramai sebagai satu contoh kejujuran dan ketulusan. Tidak sedikit pun cebisan skandal ataupun kelakuan tidak elok mencemar jawatannya.

Sistem raja berperlembagaan wujud untuk membentuk sebuah kerajaan berparlimen yang berkesan. Ia melambangkan kepelbagaian sejarah negeri-negeri Melayu sebelum merdeka. Hari ini, Yang di-Pertuan Agong melambangkan perpaduan dan kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara unggul.

(END)